

Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebuah taman permainan. Lengkapkan petikan berikut berdasarkan perkataan dan gambar diberi.



memerhati gelagat

mengisi masa lapang

bermain bola

membeli aiskrim

sungguh meriah

melihat suasana

untuk beriadah

bermain jongkang-jongket

kereta sorong bayi

menghilangkan tekanan

Suasana di taman permainan pada petang itu (1) _____. Tambahan lagi, hari ini ialah hujung minggu. Ramai penduduk taman perumahan tidak kira peringkat umur ke sini (2) _____ dan mengisi masa lapang. Ada yang datang dengan keluarga. Ada yang datang bersama dengan rakan. Fatin dan Idayu datang ke taman permainan ini pada setiap minggu untuk (3) _____. Fatin dan Idayu dapat (4) _____ setelah penat belajar. Kadangkala mereka (5) _____ pengunjung yang beriadah.

Pada minggu ini, sambil bermain buaian mereka berbual tentang Hari Sukan yang akan diadakan tidak lama lagi. Sambil berbual, mereka (6) _____ di taman itu. Terdapat dua orang kanak-kanak lelaki (7) _____ di hadapan mereka. Seorang wanita yang berusia dalam lingkungan 30-an membawa bayinya bersiar-siar di sekitar taman permainan dengan menggunakan (8) _____. Pada hari itu juga, rakan sekelas mereka, iaitu Aiman dan Ravi (9) _____ daripada penjual aiskrim yang menjaja di tepi laluan pejalan kaki. Dua orang kanak-kanak perempuan (10) _____ dengan gembira.

Lengkapkan petikan di bawah berdasarkan rajah yang diberi.

Kamu dikehendaki menggunakan ejaan, tanda baca dan tatabahasa yang betul.

Panjangnya jawaban kamu **hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan.**



This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

badan sihat dapat menjamin kualiti hidup.